



Jurnal Teknologi, 37(E) Dis. 2002: 47–56
© Universiti Teknologi Malaysia

PERANCANGAN PENDIDIKAN UNTUK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DALAM ERA GLOBALISASI DAN K-EKONOMI

RAMLEE MUSTAPHA¹ & RAMZIAH HUSIN²

Abstrak. Terdapat pelbagai tafsiran tentang konsep globalisasi dan k-ekonomi berdasarkan perspektif yang berbeza. Masyarakat Malaysia seharusnya dapat meneliti impak globalisasi dan k-ekonomi secara kritis supaya dapat menanganinya. Ini kerana masyarakat Malaysia terpaksa terus berdepan dengan cabaran baru yang dibawa oleh globalisasi dan k-ekonomi. Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communication Technology*) akan terus menjana proses globalisasi ini. Artikel ini bertujuan untuk meninjau perancangan pendidikan ke arah pembangunan sumber manusia dalam menghadapi arus globalisasi dan k-ekonomi di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa pendidikan dan perancangan pendidikan akan terus memainkan peranan utama bagi menyediakan sumber manusia untuk bersaing di peringkat global.

Kata kunci: globalisasi k-ekonomi, perancangan pendidikan, pembangunan sumber manusia

Abstract. There are a variety of interpretations of globalisation and k-economy based on different perspectives. Malaysians need to examine the impact of globalisation and k-economy so that they can provide input on how to face the challenges of globalisation and k-economy. The advancement of Information and Communication Technology will expedite the process of globalisation. The purpose of this article is to review the impact of educational planning on human resource development in facing the challenges of globalisation and k-economy. The results show that educational planning will continue to play a critical role in providing human resource for Malaysia to compete at the global arena.

Key words: globalisation, k-economy, educational planning, human resource development

1.0 PENDAHULUAN

Terdapat pelbagai tafsiran tentang konsep globalisasi dan k-ekonomi berdasarkan perspektif yang berbeza. Menurut Ishak Shaari (2000), globalisasi ialah satu fenomena multidimensi yang meliputi ekonomi, politik, ideologi dan budaya (Jadual 1). Sementara ahli ekonomi melihat globalisasi sebagai satu proses perubahan penting dalam ekonomi global termasuk aktiviti pengeluaran, pengaliran modal dan kewangan. Proses ini telah menjadikan negara dan masyarakat di seluruh dunia mengalami satu proses transformasi yang amat besar dalam usaha untuk menangani proses pemampatan masa dan ruang. Ekonomi di dunia bukan sahaja menjadi semakin berintegrasi tetapi terpaksa berhadapan dengan keadaan yang semakin tidak menentu.

^{1&2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**Jadual 1** Pelbagai dimensi konsep globalisasi

Kategori	Proses utama
1. Globalisasi kewangan dan pemilikan modal	Deregulasi pasaran kewangan; mobiliti modal pada peringkat antarabangsa; peningkatan gabungan dan pengambilalihan firma; pemilikan saham secara global yang masih pada peringkat awal.
2. Globalisasi pasaran dan strategi, terutama dalam menangani persaingan	Pengintegrasian aktiviti perniagaan pada peringkat dunia; penubuhan kegiatan berintegrasi di luar negara (termasuk dalam kegiatan penyelidikan dan pembentukan); pengenalpastian sumber input pada peringkat global; pembentukan kerjasama strategik.
3. Globalisasi teknologi	Teknologi menjadi pendorong utama proses globalisasi; perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menggalakkan rangkaian global dalam sesebuah firma; dan antara firma yang berlainan; globalisasi sebagai proses memperluaskan sistem pengeluaran bersifat luwes.
4. Globalisasi cara kehidupan dan pola penggunaan; globalisasi budaya	Perpindahan dan pengukuhan cara hidup dominan; penyeragaman pola penggunaan; peranan media; transformasi budaya; peraturan GATT dikenakan kepada pengaliran budaya.
5. Globalisasi keupayaan mengawal dan governans	Peranan pemerintah dikurangkan; percubaan untuk menggubal peraturan dan institusi baru bagi tujuan governans pada peringkat global.
6. Globalisasi sebagai penyatuan politik dunia	Analisis berteraskan negara mengenai integrasi masyarakat dunia ke dalam satu sistem ekonomi dan politik global yang diketuai oleh satu kuasa utama.
7. Globalisasi persepsi dan kesedaran	Proses sosiobudaya yang berteraskan 'Satu Dunia', pergerakan ' <i>globalist</i> ', warganegara dunia.

Sumber: Ishak Shaari, 2000

Hubungan antara negara dalam urusniaga perdagangan dan pengaliran modal telah lama wujud, iaitu melalui proses pengantarabangsaan ekonomi. Dalam ekonomi antarabangsa ini, perdagangan, pengaliran modal dan migrasi antarabangsa merupakan alat pengukurnya. Dalam era globalisasi, pengeluaran pelbagai komponen untuk sesuatu barang dihasilkan di banyak lokasi dan negara. Walau bagaimanapun, ia disepadukan dalam satu rangkaian pengeluaran yang berhierarki dengan *Multinational Companies* (MNC) memainkan peranan besar. Negara maju pula menjadi pusat



operasi MNC. Kegiatan yang dijalankan di ibu pejabat syarikat MNC di negara maju ialah pengurusan kewangan, penyelidikan, pembangunan serta inovasi. Secara tidak langsung, buruh mahir digunakan di negara maju dan buruh tidak mahir digunakan di negara sedang membangun. Penentuan lokasi pengeluaran ditentukan oleh faktor seperti kos buruh dan kadar cukai terendah, serta di mana wujudnya kelonggaran dalam pelaksanaan undang-undang pengawalan pencemaran alam sekitar.

Hakikat bahawa perdagangan di peringkat global ini telah didominasi oleh MNC penting untuk difahami oleh masyarakat Malaysia bagi menangani cabaran globalisasi. Sebagai contoh, pengusaha kedai runcit tempatan menghadapi kemerosotan apabila syarikat-syarikat gergasi seperti Makro, Carrefour dan Giant mula terlibat dengan perdagangan runcit.

Terminologi k-ekonomi, walaupun masih kabur dari segi definisi, telah digunakan dalam perspektif yang berbeza dalam kebanyakan penulisan. Secara umumnya, ia jelas mengaitkan pekerja yang berpengetahuan (*knowledge workers*) dengan keupayaan mereka mengaplikasikan pengetahuan tersebut. Menurut Hasnah Ali (2000), k-ekonomi adalah satu pendekatan yang menggunakan pengetahuan dan maklumat untuk meningkatkan aktiviti ekonomi seperti pengeluaran barang, penyelidikan dan pemasaran. Menurut Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Dan Pembangunan (OECD, 1996) pula, k-ekonomi adalah pengeluaran, penggunaan dan agihan pengetahuan dalam semua aktiviti ekonomi yang membolehkan organisasi saiz kecil dan sederhana, usahawan dan kerajaan menggunakan sumber semula jadi yang terhad secara efisien. Kebanyakan individu mengaitkan k-ekonomi dengan industri berteknologi tinggi seperti telekomunikasi dan perkhidmatan kewangan. Menurut OECD (1996) lagi, teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) menjadi fasilitator kepada pengwujudan masyarakat berilmu dan bermotivasi.

Dua elemen penting dalam k-ekonomi ialah modal manusia dan infrastruktur ICT. Modal manusia merangkumi guna tenaga berkemahiran dan berkeupayaan dalam pembangunan dan penyelidikan. Ini jelas dilihat daripada kejayaan yang dinikmati oleh negara-negara industri seperti Jerman, Finland, Sweden, Amerika Syarikat dan Jepun telah didokong oleh kekuahan elemen modal manusia dan infrastruktur ICT.

Dalam konteks peralihan ke arah k-ekonomi, adalah penting bagi bakal graduan Malaysia dilatih untuk menjadi pekerja berpengetahuan (*k-workers*). Multimedia Development Corporation (MDC, 1999), mentakrifkan pekerja berpengetahuan sebagai individu yang mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut:

- (i) Lima tahun atau lebih pengalaman profesional dalam multimedia atau Teknologi Maklumat (IT)
- (ii) Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam mana-mana disiplin dan dengan dua tahun atau lebih pengalaman profesional dalam multimedia atau IT
- (iii) Ijazah Sarjana atau yang lebih tinggi dalam mana-mana disiplin.



Kesimpulannya, kelayakan akademik merupakan salah satu ciri k-pekerja di samping syarat-syarat tambahan seperti pengalaman, kemahiran dan kreativiti khususnya dalam aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi serta berinovasi. Jika kemahiran ICT diambil kira sebagai salah satu ciri k-pekerja, Malaysia mempunyai bilangan k-pekerja yang lebih rendah dari negara-negara maju. Contohnya, Malaysia mempunyai 10.7% pekerja berpengetahuan jika di bandingkan 22.9% di Jepun (Ramlee Mustapha *et al.*, 2001). Inilah cabaran yang harus dihadapi oleh rakyat Malaysia.

2.0 PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI NEGARA

Pertanian merupakan asas ekonomi kebanyakan negara di dunia. Dengan perubahan masa, struktur ekonomi ini berubah dari sektor pertanian ke sektor perindustrian. Perubahan struktur ini boleh berlaku sama ada secara terancang atau secara tidak terancang. Ia dikatakan secara terancang apabila melalui proses yang disusun oleh kerajaan bagi tujuan pencapaian sesuatu matlamat. Sebaliknya, perubahan boleh berlaku tanpa dirancang tetapi berlaku mengikut peredaran masa, suasana sosioekonomi, sosiopolitik dan kualiti serta kuantiti sumber semasa yang ada. Perubahan ini kerap difahami sebagai kemajuan dan pemberaan ekonomi sesebuah negara.

Pada dua dekad yang lepas, sektor industri telah dikenalpasti sebagai penggerak utama atau enjin pertumbuhan dalam proses pembangunan ekonomi Malaysia. Ia selari dengan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara industri yang maju menjelang tahun 2020. Dalam fasa ekonomi perindustrian, faktor-faktor tradisional seperti sumber modal, buruh dan sumber asli adalah penting. Kini, dalam era k-ekonomi, sumber modal bertukar kepada keintelektualan manusia. Ia menjurus kepada tiga tunjang utama, iaitu pengetahuan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta faktor maklumat. Peralihan ini memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi melalui penggunaan sumber keintelektualan manusia.

Pembangunan sumber manusia akan menerajui pertumbuhan baru ekonomi negara. Pelaburan dalam pendidikan termasuk pelajar, guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran, alat-alat fizikal sekolah perlu digembeleng supaya mencapai taraf antarabangsa. K-ekonomi perlu digerakkan seiring dengan ekonomi yang sedia ada. Ini kerana penggunaan maklumat berlaku dalam semua aspek termasuk ekonomi, sosial, pendidikan dan sebagainya. Penglibatan masyarakat secara menyeluruh diperlukan dalam industri teknologi maklumat dan k-ekonomi. Secara keseluruhan, k-ekonomi melibatkan e-kerajaan, e-dagang dan e-perniagaan. Dalam menuju era maklumat ini, ekonomi dipimpin oleh ICT dengan penumpuan kepada sistem perkomputeran, komunikasi dan teknologi digital. Jika telefon mengambil masa 75 tahun untuk mendapatkan 50 juta pengguna tetapi internet hanya memerlukan 4 tahun untuk mencapai jumlah pengguna yang sama. Dalam tahun 1999, hampir 600,000 orang (3%) daripada jumlah penduduk Malaysia menggunakan internet (Hasnah Ali, 2000). Kemudahan internet membuka jalan kepada perkongsian dan pertukaran maklumat berterusan tanpa mengira kedudukan geografi dan perbezaan zon masa.



Perniagaan melalui e-dagang ternyata memberi kejayaan kepada beberapa buah syarikat antaranya ialah syarikat Amazon.com, sebuah kedai buku maya terbesar di dunia, berjaya mencapai nilai pasaran melebihi RM90 bilion. Saluran e-dagang ini membolehkan peniaga mempromosi dan menjual barang mereka ke pasaran antarabangsa tanpa sebarang halangan imigresen di negara yang dimasuki. Kajian yang dijalankan oleh Multimedia Development Corp Sdn. Bhd. (MDC, 1999) mendapati 13% daripada 811 buah syarikat IKS di Malaysia melaksanakan pembelian melalui e-dagang, 68% menggunakan e-dagang kurang daripada 10% urusan pembelian barang. Secara keseluruhannya, 15% sahaja yang menggunakan dalam urusniaga harian mereka. Ini menunjukkan, pembangunan sumber manusia, perlu dipertingkatkan melalui pendidikan dan latihan untuk semua peringkat agar peralihan ekonomi yang berlaku ini memberi keuntungan kepada semua pihak.

3.0 PERANCANGAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Kedatangan penjajah British telah membawa perubahan dalam pendidikan di Malaysia. Sekolah-sekolah Inggeris didirikan sama ada menerusi pemerintah British sendiri atau menerusi mubaligh Kristian. Sekolah-sekolah Melayu berunsur sekular turut didirikan. Matlamat pendidikan ketika itu adalah untuk melahirkan para petani dan nelayan yang celik huruf yang lebih baik sedikit daripada ibu bapa mereka. Maktab Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan untuk anak-anak golongan bangsawan yang akan memegang jawatan dalam jentera pentadbiran kerajaan British. Jawatan perkeranian pula memerlukan kelayakan sekolah Inggeris. Justeru, hubungan antara pendidikan dengan pekerjaan mula disemai dalam sistem pendidikan. Pemupukan dasar utilitarian Inggeris berterusan sehingga ramai anak watan yang berpindah ke sekolah Inggeris untuk menjawat jawatan penting serta mendapat kedudukan yang dihormati dalam negara.

Pendidikan kebangsaan bermula setelah Malaysia mencapai kemerdekaan. Ketika itu, ramai rakyat masih buta huruf akibat daripada dasar *pecah dan perintah* penjajah. Perancangan pendidikan lebih mantap dengan adanya beberapa dokumen rasmi. Penyata Razak (1956), Ordinan Pelajaran (1960) dan Penyata Rahman Talib (1961) menyarankan agar disediakan pendidikan rendah percuma. Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar dan sukanan pelajaran yang sama digunakan untuk semua sekolah.

Pendekatan permintaan masyarakat digunakan dalam perancangan pendidikan memandangkan matlamat pendidikan adalah untuk mencapai perpaduan negara. Pendekatan pelunjuran guna tenaga tidak digunakan ketika itu kerana negara sedang mengalami proses pembangunan semula. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP) ditubuhkan pada tahun 1964. Ia bertanggungjawab mengumpul segala statistik berhubung dengan pendidikan negara termasuk kewangan. Ia dianggap sebagai pejabat perangkaan Kementerian Pendidikan dan mempunyai hubungan dengan Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri. Sebuah



suruhanjaya ditubuhkan untuk meninjau status guna tenaga buat pertama kalinya, iaitu pada tahun 1965.

Peristiwa hitam 13 Mei 1969 menunjukkan berlakunya ketidakseimbangan keadaan ekonomi antara kaum di Malaysia. Dasar Ekonomi Baru digubal pada tahun 1970. Seterusnya Rancangan Malaysia Ketiga (1976–1980) mula memperlihatkan tanda-tanda teori ekonomi diserapkan dalam perancangan pendidikan. Selepas peristiwa 13 Mei 1969, perancangan pendidikan di Malaysia bertukar kepada pendekatan pelunjuran guna tenaga. Ia mengambil kira pengeluaran guna tenaga untuk meseimbangkan keadaan ekonomi antara kaum di Malaysia. Perancangan pendidikan di Malaysia turut mengalami halangan-halangan seperti berikut:

- (i) Pengumpulan perangkaan statistik yang tidak lengkap.
- (ii) Warisan dasar pelunjuran penjajah yang bersifat tidak adil. Kemudahan pendidikan yang terbaik disediakan di kawasan yang mempunyai kepentingan ekonomi. Kemudahan yang tidak seimbang ini menyebabkan kerajaan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan. Namun, kualiti dan mutu pendidikan di luar bandar masih dalam keadaan serba kekurangan.
- (iii) Masyarakat berbilang kaum yang bersifat perkauman. Perancangan pendidikan sukar mendapat sokongan penuh dari semua kaum kerana perancangan yang baik sering disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak. Contoh, pelaksanaan Sekolah Wawasan.
- (iv) Sikap masyarakat yang kurang positif terhadap pembaharuan dalam pendidikan khususnya terhadap pendidikan vokasional dan teknik. Ini kerana pendidikan vokasional dan teknik sering dikaitkan dengan pekerjaan kolar biru.
- (v) Kos pendidikan yang tinggi menjadi beban kepada sumber kewangan negara khususnya terhadap pendidikan teknik dan vokasional.

Selain daripada halangan-halangan yang telah diutarakan, perancangan pendidikan di Malaysia masih mengalami kelemahan dari segi pelaksanaan. Sebagai contoh, program pendidikan komputer masih di tahap rendah di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia.

4.0 PEMBANGUNAN GUNA TENAGA ICT DI MALAYSIA

Ekonomi berasaskan pengeluaran ditentukan oleh faktor-faktor fizikal seperti tanah, buruh, modal dan usahawan. Kini, faktor pengetahuan telah mengambil alih kedudukan sebagai faktor utama. Aset yang paling penting dalam k-ekonomi ialah sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran ICT. ICT merupakan enjin baru pertumbuhan ekonomi kepada negara yang ingin terus bersaing dalam arus globalisasi. Di Malaysia, guna tenaga mahir ICT masih lagi kekurangan khususnya di peringkat teknikal seperti jurutera rangkaian jaring.



Jadual 2 menunjukkan angka keperluan guna tenaga ICT di Malaysia. Permintaan pekerja-pekerja ICT dalam pelbagai bidang bagi menampung keperluan Koridor Raya Multimedia (MSC) melebihi 42,000 orang bagi tahun 2001. Permintaan yang tertinggi ialah bagi kategori teknikal diikuti oleh “*programmers*” dan penganalisis.

Jadual 2 Keperluan Guna Tenaga ICT MSC

Kategori	Tahun 2001
Teknikal	13,677
<i>Programmers</i> dan Penganalisis	12,713
<i>Business Specialist</i>	9,727
MM Designers	1,996
Konsultan	2,933
CEO/Pengurus/Eksekutif	1,213
Jumlah	42,259

Sumber: <http://www.msc.com.my/mdc/mdc/cs.asp>

Persoalannya, adakah sistem pendidikan kita dapat memenuhi permintaan guna tenaga ICT? Statistik Kementerian Pendidikan (2000) menunjukkan jumlah enrolmen pelajar dalam bidang sains dan teknologi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berjumlah 49,575 (29.0%) dan 39,305 (23.0%) pada tahun 2000. Manakala graduan sains ialah 34,805 (25.6%) dan graduan teknologi 22,765 (16.7%) pada tahun yang sama. Arah aliran ini menunjukkan Malaysia masih belum mencapai keupayaan dalam memenuhi keperluan pasaran guna tenaga mahir ICT untuk mengekalkan daya saing di pasaran global. Walau bagaimanapun, MDC meramalkan kekurangan ini dapat diatasi menjelang 2005 dengan mengambil kira kadar enrolmen semasa pelajar ICT di semua peringkat tertiar termasuk awam dan swasta. Ia turut dibantu oleh peningkatan dalam bilangan institusi pendidikan tinggi swasta daripada 167 buah pada tahun 1996 kepada 600 buah pada tahun 2000.

5.0 SEKTOR PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) DI MALAYSIA

Sistem pendidikan dan R & D yang mantap amat diperlukan dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Terdapat hubungan yang erat antara kedua-dua sektor ini dalam menangani globalisasi dan ICT. Jadual 3 menunjukkan Malaysia menduduki tempat yang ke-41 di dunia dalam aspek perbelanjaan dalam bidang R & D pada tahun 1998 iaitu kira-kira 0.24 % daripada KNK. Jumlah ini masih rendah jika



dibandingkan dengan negara-negara maju. Untuk memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam arus globalisasi ekonomi, usaha bersungguh-sungguh perlu dijalankan dalam meningkatkan penyelidikan yang mampu melahirkan ilmu dan ciptaan-ciptaan baru.

Jadual 3 Perbandingan R & D negara terpilih

	US Million (1998)	Kedudukan 1998	Perbelanjaan R&D % kepada KNK 1987-1997
Amerika Syarikat	222 934	1	2.63
Sweden	8 776	8	3.76
Finland	3 682	18	2.78
Singapura	1 489	25	1.13
Norway	2 571	23	1.58
Denmark	3 419	19	1.95
Belanda	8 292	9	2.08
Australia	6 807	12	1.80
Jepun	122 275	2	2.80
Kanada	9 362	7	1.66
Switzerland	8 083	11	2.60
Hong Kong	354	37	N.A
New Zealand	584	34	1.04
Britain	23 972	5	1.95
Jerman	49 767	3	2.41
Malaysia	195	41	0.24
Indonesia	187	42	0.07
Filipina	51	45	0.22
Thailand	197	40	0.13
Korea Selatan	8 089	10	2.82
China	6 655	13	0.66

Sumber: World Bank, 1999



6.0 INFRASTRUKTUR ICT

Untuk merealisasikan matlamat k-ekonomi, rangkaian maklumat dan infrastruktur diperlukan bagi menyalurkan maklumat. Tahap penerimaan, penggunaan dan penyebaran maklumat diukur melalui penyediaan kemudahan media elektronik dan komunikasi. Disiplin ICT perlu ditekankan dalam sistem pendidikan negara bermula daripada pendidikan rendah. Menurut kajian Agenda Teknologi Dan Maklumat Negara (Infosoc Malaysia, 2000), satu pertiga daripada penduduk Malaysia yang berumur di bawah 14 tahun perlu didedahkan dengan program ICT bagi membangunkan potensi sumber manusia berasaskan ICT. Terdapat 30.5% sekolah rendah dan 53.8% sekolah menengah di seluruh negara mempunyai komputer peribadi (PC) bagi kegunaan pelajar manakala hanya 10.2% sekolah rendah dan 34.1% sekolah menengah mempunyai capaian internet. Ini bermakna 69.5% sekolah rendah dan 46.2% sekolah menengah tidak mempunyai PC. Manakala 89.8% sekolah rendah dan 65.9% sekolah menengah tidak mempunyai kemudahan internet. Tahap penggunaan PC dan capaian internet ini jauh lebih rendah dibandingkan dengan jumlah sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Secara keseluruhannya, dianggarkan kira-kira 0.99 juta (4.4%) rakyat Malaysia tidak mempunyai pendidikan formal dan mereka ini dianggap terpinggir dari segi ICT secara langsung (Infosoc Malaysia, 2000).

Pencapaian Malaysia dalam ICT boleh diukur dengan menggunakan indikator-indikator seperti pemilikan peralatan maklumat dan telekomunikasi (radio, televisyen, telefon, komputer, perisian dan rangkaian), sumber kewangan bagi membolehkan penggunaan barang dan perkhidmatan ICT dan kemahiran asas atau keupayaan sebenar menggunakan barang dan perkhidmatan ICT. Indikator terkini mengukur tahap ICT ialah pemilikan komputer peribadi. Tahap pemilikan komputer peribadi di Malaysia ialah 59 orang bagi setiap 1000 orang penduduk berbanding 459 orang bagi setiap 1000 penduduk Amerika Syarikat dan 422 per 1000 penduduk Switzerland pada tahun 1998 (World Bank, 1999). Malaysia juga didapati masih jauh ketinggalan dari segi penggunaan komputer dan internet jika dibandingkan dengan negara-negara Asia seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan. Dari segi penggunaan internet pula ialah 2.7% daripada jumlah penduduk Malaysia berbanding 15.8% penduduk Singapura dan 38.0% penduduk Finland pada tahun yang sama (World Bank, 1999).

7.0 KESIMPULAN

Analisis dari tinjauan literatur mendapati bahawa terdapat perkaitan atau perhubungan yang rapat antara perancangan pendidikan dengan pembangunan ekonomi dan sumber manusia. Kesilapan dalam merancang sistem pendidikan akan membantutkan proses pembangunan negara dan mungkin menurunkan daya saing negara di peringkat global. Justeru, masyarakat Malaysia perlu meneliti globalisasi secara kritis serta memberi input yang sesuai untuk menangani globalisasi dan k-ekonomi. Perancangan



pendidikan akan terus memainkan peranan utama bagi menyediakan sumber manusia untuk bersaing di peringkat global.

RUJUKAN

- Berita Harian (23 Januari 2001). Sri KL Sekolah Bestari Swasta Pertama. Hlm. 4.
- Hasnah Ali. 2000. Komunikasi Dan Teknologi Maklumat (ICT) Dan Pembangunan. Ekonomi. *Prosiding Seminar Tahunan Jabatan ekonomi Pembangunan*. hlm 189-206.
- <http://www.msc.com.my/mdc/mdc/cs.asp>
- Infosoc Malaysia. 2000. *Access and Equity: Benchmarking for Progress*. Kuala Lumpur: National Information Technology Council.
- Ishak Shari. 2000. Globalisasi Ekonomi: Proses Dan Realitinya. Dlm. Norani Othman & Sumit K. Mandal (pnyt.). *Malaysia Menangani Globalisasi Peserta Atau Mangsa*. hlm. 46-70. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2000. *Perangkaan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- OCED. 1996. *The Knowledge Economy: Science, Technology and Industry Outlook*. Paris: OECD.
- Ramlee Mustapha, Ruhizan Mohd Yasin, Noriah Mohd Ishak, & Abu Abdullah. 2001. Impact of the Knowledge-Economy on Human Resource Development in Malaysia. *International Journal of Vocational Education and Training*. 9(1):31-48.
- World Bank. 1999. *World Development Report 1998/1999*. Washington.

